

050 PROSES ASSIMILASI ORANG INDIA KEPADA AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN DI MALAYSIA : SATU PERBANDINGAN

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

norsaadah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan perbandingan proses assimilasi orang India kepada Agama Islam yang merupakan agama persekutuan Malaysia dan agama Kristian yang merupakan agama kedua terbesar serta berpengaruh. Selain itu objektif kertas kerja ini menilai implikasi dari assimilasi ini kepada orang India. Metod yang digunakan melalui penentuan subjek iaitu bagaimana Islam sampai ke Malaysia, pengaruh agama Islam kepada orang India di Malaysia dan sebab-sebab penghijrahan. Manakala penentuan subjek kedua mengenalpasti proses assimilasi orang India kepada agama Kristian di Malaysia dengan mengupas pengaruh gerakan ini kepada kaum India di Malaysia. Hasil penulisan ini mendapati assimilasi orang India kepada agama Islam banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor semasa iaitu melalui ikatan perdagangan yang kuat dengan pedagang Arab Islam. Namun kebebasan beragama yang wujud di negara ini memberi peluang kepada agama Kristian untuk terus berkembang dan mempengaruhi masyarakat di Malaysia khususnya orang India. Walaubagaimanapun pemupukan perpaduan nasional dapat dibentuk melalui organisasi-organisasi keagamaan demi kesejahteraan dan keharmonian dari pelbagai kaum di negara ini.

Kata kunci: Assimilasi orang India, agama Islam, agama Kristian

PENGENALAN

Kebebasan beragama di negara ini membolehkan rakyat berhak memilih agamanya sendiri. Dalam kertas kerja seminar ini memfokuskan isu proses assimilasi orang India dengan agama Islam dan Kristian. Dua gama ini diberi penekanan kerana Islam adalah agama rasmi negara dan Kristian agama kedua terbesar dan mempunyai pengaruh berbanding dengan agama-

agama lain di Malaysia. Perkataan assimilasi menurut Kamus Dewan (2009) iaitu proses pemesraan, pemahaman dan cantuman. Kamus Federal-Chambers (2001) dan kamus dwibahasa Oxford Fajar (2001) pula memberi makna penyerapan. Orang India iaitu orang yang menetap di benua kecil India. Asal perkataan india adalah Hindu iaitu perkataan yang lahir dari nama sungai Indus, sebuah sungai yang agung terletak di bahagian Barat Laut India. Agama Islam adalah satu cara hidup yang *syumul* dan *takamul* dalam kehidupan sehari-hari termasuk perhubungan manusia dengan tuhan, perhubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar. (Mamat C. Y., 1980). Agama Kristian ialah agama yang berpegang dengan kitab Injil, percaya kepada triniti iaitu Tuhan bapak, Tuhan Anak, dan Roh Kudus. (Basri, 1999)

PROSES ASSIMILASI ORANG INDIA DENGAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA

Firman Allah S.W.T maksudnya : “ *Wahai manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari laki-laki dan perempuan dan telah menjadikan kamu berpuak-puka dan bersuku-suku untuk kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah mereka yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui lagi Maha Mengerti*”

(surah Al Hujurat 26: 13)

Kedatangan Islam ke Malaysia pada umumnya melalui tiga peringkat; peringkat pertama (abad ke 7M) iaitu peringkat persinggahan para pedagang Arab-Parsi yang merupakan aktiviti sejak zaman sebelum kebangkitan Islam di Mekah lagi. Kedatangan mereka berkait rapat dengan penyebaran agama Islam di rantau ini. Peranan mereka dibuktikan dengan wujudnya batu nisan di Gujerat dan tanah Melayu. Menurut Fatimi, batu nisan maulana Malik Ibrahim di Gerisik bertarikh 1419M mempunyai persamaan dengan batu nisan yang terdapat di India. Menurut catatan Ibnu Battuta sejak abad ke 13M lagi perdagangan mula berlaku antara Timur Tengah dengan rantau ini khususnya di Kedah. Selain itu terdapat juga para pedagang sendiri menerima agama Islam di negeri Yaman. Ini kerana Yaman ketika itu merupakan pusat perdagangan antarabangsa. Dengan ini dapat mempengaruhi para pedagang Melayu yang berniaga di situ. Walaupun tiada data yang sah

tentang kenyataan ini tetapi kemungkinan tetap ada di mana Islam masuk ke Nusantara melalui para pedagang tempatan sendiri yang membawa barang dagangannya sampai ke Teluk Arab Parsi sejak abad ke 7M. (Abdullah, 2000)

Peringkat kedua (Abad 7M-14M)- iaitu peringkat pertapaan iaitu sejak zaman Bani Umayyah (661-750M) hingga zaman Abasiyah (950-1248M). Ciri pertama yang dapat dilihat dengan wujudnya penempatan para pedagang Arab-Islam di Nusantara. Di samping itu terdapat juga batu nisan mereka di Tanjung Inggeris. Kedah dalam tahun 291H/903M yang bertulisan Arab dengan ayat yang berbunyi Syaikh Abdul Qadir bin Husin Syah Alam, di Pahang (419H/1028M) dan di Terengganu (702H/1303M). Pada peringkat ini Islam semakin licin dan meluas terutama pada abad yang ke 9M. Semenjak dari perkembangannya Islam terus bergerak maju dan berkembang secara aman dan damai sehinggalah lahir raja kerajaan Islam yang lain.

Peringkat ketiga (Abad 12M-14M)- Peringkat perluasan iaitu sehingga membentuk kerajaan umat Islam di rantau ini. Ia berlaku pada abad ke 13M. Para pedagang Arab-Islam dan Mubaligh India menggunakan cara pendamaian iaitu melalui usaha dakwah, mengahwini orang tempatan, menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari dan sebagainya. (Abdullah, 2000). Terdapat perkampungan orang Islam di sana-sini dan semakin bertambah apabila orang yang berpengaruh di satu-satu daerah itu memeluk Islam. Secara tidak langsung daerah itu menjadi sebuah daerah dan menjadi sebuah negeri di bawah naungan Islam. Negeri yang mula-mula sekali menerima Islam ialah kerajaan Islam Kelantan pada abad ke 12M, kerajaan Islam Terengganu pada abad 14M seterusnya terdiri kerajaan Islam Melaka pada abad 15M. Kebangkitan Melaka telah mengukuhkan tunjang Islam di Malaysia dan membuka jalan kepada perkembangan Islam di Nusantara seluruhnya. Faktor ini memperkuatkan lagi dengan adanya kerjasama dari kerajaan-kerajaan Islam yang sudah lama bertapak di Indonesia terutama sekali kerajaan Samudera/Pasai.

Kerajaan Melayu Melaka telah sampai ke peringkat kedaulatan dan kekuatan gugusan pulau-pulau dan menjadi sumber sinaran dakwah Islamiyah di Nusantara seluruhnya, dalam masa yang sama seluruh penduduk Melayu Semenanjung Malaysia memeluk Islam.

Kerajaan Melayu Melaka yang kuat berpegang dengan Islam, makmur dan berdaulat itu akhirnya diserang oleh angkatan laut Portugis dengan melancarkan perang salib di Gugusan Pulau Melayu. Tujuannya adalah untuk menghancurkan Islam dan mengembangkan Kristian di Nusantara seluruhnya. Walaupun berlakunya kejatuhan kerajaan melayu Melaka tetapi tidak sedikit pun menghancurkan Islam di Nusantara malah menjadi pembakar kepada semangat jihad di dalam jiwa Muslimin terutamanya kepada pendakwah Melaka khususnya dan Nusantara amnya. Dengan itu Portugis dapat diserang semula oleh Sultan Mahmud Syah, iaitu bekas sultan Melaka selama tujuh belas tahun sehingga mangkat. Setelah 130 tahun (1511-1641) Portugis menduduki Melaka akhirnya dapat dikalahkan oleh Belanda dengan kerjasama Kerajaan Islam Johor. Melaka bertukar tangan kepada penajah Belanda (Kristian) tetapi negeri di sekeliling Melaka tetap berada di bawah kekuasaan Kerajaan Melayu Islam.

Setelah lebih lapan puluh tahun Belanda menjajah Melaka, Belanda akhirnya terpaksa meninggalkan Melaka kerana mazhab yang didokongnya kurang mendapat sambutan (mazhab Protestan). Tempatnya digantikan oleh orang-orang Inggeris yang juga beragama Kristian. Inggeris melebarkan pengaruh politiknya keluar dari Melaka ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Kesungguhan mereka terbukti apabila berjaya menguasai negeri-negeri Tanah Melayu kurang dari satu Abad (1874-1957M). Pihak Inggeris seperti kuasa Belanda juga kurang berusaha dalam menyebarkan agama Kristian. Dalam pada itu gerakan dakwah Islamaiyah terus bergerak mempertahankan dirinya dan mengawal keselamatan masyarakat Islam.

Pengaruh politik Inggeris dihancurkan oleh Jepun pada 1942, dan Jepun pula mencuba untuk menyebarkan semangat Jepun atau agama Syinto dalam masyarakat Muslimin. Namun begitu dakwah Islamaiyah tetap memelihara kedudukannya yang teguh sehinggalah penjajahan Jepun dapat dihancurkan oleh sekutu Inggeris pada 1945. Inggeris sekali dapat menguasai tanah Melayu dan membawa dasar Malayan Union yang bertujuan untuk menjadikan tanah Melayu negeri semua bangsa, bukannya negeri orang Melayu. Namun Islam telah membakar semangat orang Melayu dan memperkuatkan perjuangan kebangsaan mereka untuk membebaskan diri dari penjajahan. Akhirnya tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan dan terbentuklah Malaysia dengan satu perlombagaan yang mengakui Islam sebagai agama rasmi negara.

PENGARUH AGAMA ISLAM KEPADA ORANG INDIA DI MALAYSIA

Perdagangan merupakan sumber ke dua kekayaan negara selepas pertanian di Benua kecil India. Perhubungan perdagangan yang erat antara pedagang-pedagang Arab dan India sejak kurun ke 7M menjadi antara faktor utama assimilasi orang India dengan agama Islam. Tambahan pula laluan perdagangan orang arab ke tanah Melayu yang melalui lautan Hindi memungkinkan penyebaran Islam berlaku dengan mudah dan berterusan kepada orang-orang India.

Daripada kenyataan yang diceritakan oleh al- Biruni dan Masudi serta Sulaiman al Tajir dan lain-lain daripada tokoh Arab yang pernah hadir ke negara-negara tepi pantai benua kecil ini menyatakan bahawa pedagang-pedagang arab berulang alik ke tempat-tempat tertentu di kawasan pantai Hindi berhampiran Punjab Malibat. Pedagang merupakan rangkaian antara zaman Islamik –Arab (zaman Islam dibawa oleh orang Arab) dan pre-Muslim India.

Di pantai Barat India satu etnik baru mula wujud dikenali sebagai ‘Baysar’ iaitu anak yang lahir dari ibu yang berketurunan India dan ayahnya berketurunan Arab. Dengan ini banyak amalan Islam dalam sistem perundangan bahkan orang Islam telah dijadikan bahan rujukan dengan menjawat jawatan sebagai Qadhi, penasihat kerajaan serta hakim oleh raja-raja Hindu. Hubungan komersial juga memainkan peranan penting kemasukan Islam di India. Kewujudan intergrasi ilmu pengetahuan yang berbentuk linguistik, beberapa istilah pertuturan India boleh ditemui di dalam kamus Arab. (Mamat S. A., 1999)

Menjelang abad ke 13M, Islam telah bertapak di Barat Daya dan Timur Laut India yang dipelopori oleh saudagar-saudagar Arab dan sultan-sultan Turki di Delhi. Dalam masa yang sama saudagar-saudagar Islam di Gujerat menggunakan pelabuhan Cambay menyebarluaskan Islam keluar dari Benua India.

Proses assimilasi ini dapat dilihat dari perhubungan perdagangan yang teguh antara India dengan gugusan kepulauan Melayu. Apabila orang India memeluk aama Islam mereka telah datang ke gugusan Kepulauan Melayu termasuk Malaysia bersama dengan agama baru yang mereka anuti. Pada akhir abad 19 dan awal abad ke 20 kaum imigran India di antaranya beragama Islam datang secara beramai-ramai ke tanah Melayu berikutkan permintaan tenaga

buruh yang semakin meningkat terutamanya dalam sektor pertanian. Tambahan pula berlaku pergolakan di India yang memaksa keluar untuk menyelamatkan diri. Buruh-buruh dari India kebanyakannya berasal dari wilayah India Selatan terutama Madras. Mereka dibawa masuk untuk bekerja sebagai buruh kontrak di ladang-ladang tebu kopi di Perak dan Selangor.

Sebab-sebab penghijrahan

1. Faktor penolak
 - 1.1. Pergolakan dalam negara. Pertumbuhan penduduk yang pesat iaitu 130 juta (1845) bertambah kepada 390 juta orang pada tahun 1941.
 - 1.2. Mereka terpaksa menjual tanah untuk membayar cukai dan hutang yang tinggi.
 - 1.3. Berlaku bencana alam seperti banjir, kemarau, kebuluran dan wabak penyakit seperti yang berlaku di dataran Tinggi Deccar dan India Selatan.
 - 1.4. Sistem sosial di India membataskan kedudukan ekonomi dan sosial. Mereka berasal dari kasta yang rendah menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk meningkatkan taraf hidup yang lebih tinggi. Akhirnya mereka terus dipandang hina.
 - 1.5. Jurang perbezaan dari segi pendidikan kerana adanya perbezaan dari kasta rendah dan kasta tinggi.
2. Faktor penarik
 - 2.1. Perusahaan getah di Tanah Melayu yang pesat pada awal abad ke 20M. Oleh sebab itu tenaga buruh yang ramai diperlukan.
 - 2.2. Orang Eropah British kekurangan buruh. Mereka mengambil buruh tetap dari India
 - 2.3. Kemasukan British di Tanah Melayu menggalakkan kemasukan buruh dari India kerana mereka sanggup bekerja walaupun di bayar gaji yang rendah. Mereka bekerja di ladang-ladang, membina jalan raya dan jalan kereta api. Manakala orang Punjab (Sikh) bekerja sebagai polis dan tentera. Orang Tamil dari India Selatan yang perpendidikan Inggeris diambil menjadi kerani dalam perkhidmatan kerajaan atau bertugas di ladang-ladang.
3. Cara kemasukan

- 3.1. Melalui sistem Buruh Kontrak (1820M), para pekerja terikat selama 5 tahun untuk bekerja tetapi sistem ini tidak kekal lama kerana terpaksa menanggung kos yang tinggi.
- 3.2. Selepas sistem ini, muncul system Kangani- iaitu majikan yang ingin mendapatkan buruh dari India dikehendaki menghantar pulang seorang kangani (mandur) ke kampung halamannya untuk mendapatkan pekerja.Kangani bertanggungjawab untuk membiayai tambang dan lain-lain. Semua perbelanjaan mereka ditanggung oleh Kanangi. Sambutan ini amat menggalakkan lebih ramai imigran India datang ke tanah Melayu.
- 3.3. Pada tahun 1907M kerajaan Negeri Melayu Bersekutu menukuhan tabung khas untuk membiayai kos pengambilan buruh dari India.

Selepas perang dunia kedua, sebahagian besar penduduk imigran India berhijrah ke tanah Melayu dan terus menetap di sini. Tempat pertama yang menjadi tumpuan mereka ialah Pulau Pinang dan Melaka iaitu pada tahun 1786. (Singh, 1993). Menurut bancian pada tahun 1957M orang India merupakan 11% daripada jumlah penduduk di Tanah Melayu.

IMPLIKASI PROSES ASIMILASI KEPADA ORANG INDIA

Terdapat beberapa implikasi dari proses assimilasi ini iaitu:

- a) Dari segi kepercayaan
Berpegang kepada ajaran tauhid. Pegangan mereka yang kuat kepada ajaran tauhid dengan sendirinya meruntuhkan sendi-sendi kepercayaan selama ini yang diselaputi unsur-unsur syirik, khurafat dan tasyul. Ini kerana akidah Islam bersifat mengubah (taghyir).
- b) Dari Politik dan perundungan
Melenyapkan konsep raja sebagai Zillullah atau bayangan Allah. Golongan India mentaati raja secara membata tuli kerana mempercayai raja mempunyai sakti (shakti) atau kekuatan luar biasa yang didapati daripada kegiatan samadi (Samadhi) atau

pertapaan dan pemujaan terhadap barang-barang pusaka dan alat-alat bunyi-bunyian di samping upacara –upacara tertentu.

c) Dari sosial dan ekonomi

Menghapuskan sistem kasta dan sistem sati.

d) Dari kesenian dan hiburan

Sama ada dari segi arkitektur, kaligrafi, seni ukir dan sebagainya seperti masjid dibentuk mengikut senibina Islam, walaupun binaan atap-atap bertingkat adalah sisi – sisa bentuk ‘meru’ daripada zaman hindu-Budha dan meletakkan batu nisan di atas kubur. Manakala dari segi hiburan pula tiada lagi unsur-unsur mantera dan animisme Hindu.

e) Dari segi pendidikan dan bahasa.

Mereka juga mempelajari tulisan jawi. Dengan ini terhasil karya sastera hikayat India yang berunsur Islam. Karya dalam kategori ini disebut sastera zaman peralihan di antaranya hikayat Indraputra. (Abdullah, 2000)

PENGARUH GERAKAN KRISTIAN KEPADA ORANG INDIA DI MALAYSIA

Sejarah gerakan missionari Kristian bermula dengan sejarah awal kemunculan agama Kristian dan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh pengasasnya seperti Raymond Lull. Pada awal abad ke 19M, Raymond Lull yang berbangsa Sepanyol adalah orang pertama menjalankan gerakan missionari setelah perang salib gagal mencapai matlamatnya, iaitu untuk mengkristiankan orang-orang bukan Islam. Lull bertungkus-lumus mempelajari bahasa-bahasa Eropah. Meninjau negara-negara Islam dan berbincang dengan ulama-ulama Islam di negara-negara yang dilawatinya. Antara kejayaan gerakan ini ialah pada tahun 1722M yang mana penganut-penganut Kristian di Ceylon (Sri Lanka) telah meningkat sehingga 424,000 orang.

Pada peringkat permulaan, pergerakan misionari berkembang berikutan dengan kemasukan ‘LembaganMissionari London’ yang diasaskan oleh Carrey, kemudian diikuti oleh pergerakan missionari Amerika Scotland, Holland dan lain-lain. Semua gerakan-gerakan ini menjalankan tugas dengan cekap dan penuh berhati-hati.

Di India pula kemasukan gerakan misionari pada peringkat awal nampak janggal dan kebingungan. Ini kerana mereka tidak tahu golongan sasaran. Para Mubaligh merasakan bukannya senang untuk menyebarkan agama Kristian di kalangan orang-orang Brahman, di kalangan orang-orang Islam dan orang yang beragama Hindu dari kasta-kasta bukan Brahma.

‘ Lembaga Missionari London’ akhirnya mendapat satu idea untuk menyebarkan agama Kristian, iaitu dengan cara memberikan perhatian berat kepada kanak-kanak yang hidup terbiar, menderita dan dalam kemiskinan. Lembaga ini memberi khidmat bakti dan menarik minat kanak-kanak supaya suka kepada Kristian. Akhirnya satu muktamar missionari di Chicago mengambil keputusan supaya gerakan missionari India perlu memperluaskan misi mereka kepada setiap lapisan penduduk India. (Chateleir, 1999)

Akhirnya semasa perkembangan awal misi Kristian di Melaka, seramai 600 orang askar India dihantar bersama-sama dengan angkatan perang Alfonso D’Albuquerque yang berkhidmat dengan Portugis di Goa, India. Pihak berkuasa gereja Katholik telah menjadikan Goa di India sebagai pusat perkembangan misi Kristian Katholik dengan melantik dan menempatkan seorang bishop di sana dalam tahun 1521M. (Rahman, 2000)

Selain itu gerakan ini telah menggunakan orang India dari pekerja ladang dan bijih timah sebagai mubaligh untuk dihantar ke negeri-negeri Selat. Mereka di kenali dengan nama ‘ *Society for the Propagation of the Gospel* ’ (SPG). Kaum India lebih terpengaruh dengan berpengaruh semula, iaitu dengan kedatangan beberapa mubalighnya dari Perancis ke Pulau Pinang. (Basri, 1999) Kemudian diikuti dengan mazhab-mazhab kecil yang lain seperti Presbyterian, Lutheran dan Mar Thoma Syrian.

Sehingga 1989, perangkaan kasar bilangan penduduk katholik di Malaysia berjumlah lebih kurang 530,602 orang. Pastinya angka ini akan bertambah menjelang berakhirnya abad ke 20M. Kumpulan sasar misi ini ialah orang Cina, Iban, Kadazan termasuklah India. Sebagai langkah pengukuhan etnik India mereka melantik Ahli Jawatankuasa Chatolic Bishop’s Conference dikalangan orang India seperti Bishop Anthony Selvanayagam dan Rev Viaguladasan S.J. (Rahman, 2000) .

Kegiatan missionary Kristian walaupun diakui tidak begitu berjaya untuk menarik minat orang-orang Islam menganut agama Kristian dan kegiatan menyebarkan Kristian secara rasmi tidak dibolehkan oleh perlembagaan Malaysia, namun begitu gerakan ini masih bergiat secara halus dan tidak langsung. (Abdul Wahab Latif dan Che Yusoff Che Mamat, 1998)

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, assimilasi orang-orang India ke dalam agama Islam dan Kristian banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor semasa. Kita dapat melihat dengan jelas pada awal abad 7M lagi. Mereka memeluk Islam iaitu melalui ikatan perdagangan yang kuat dan utuh dengan pedagang-pedagang Arab Islam. Faktor ini dikuatkan lagi apabila Kerajaan Melayu Melaka berjaya menjadi kuasa penyebaran agama Islam yang ulung di Nusantara. Namun begitu kebebasan beragama yang wujud di negara ini memberi peluang kepada agama Kristian untuk terus berkembang di Malaysia. Orang-orang India khasnya dan masyarakat lain amnya mula terpengaruh dengan gerakan ini. Malah gerakan Kristian ini bertumbuh kukuh apabila ia bergabung dengan badan-badan agama lain dan menubuhkan satu pertubuhan dikenali sebagai ‘*The Malaysia Consultive Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism*’ (MCCBCHS). Walaupun kita berharap pemupukan perpaduan nasional dapat dibentuk melalui organisasi-organisasi keagamaan demi untuk kesejahteraan dan keharmonian dari pelbagai kaum di negara ini.

RUJUKAN

Al Quran

Abdullah, A. R. (2000). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara sebelum dan sesudah pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Basri, G. (1999). *Gerakan Kristian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chateleir, A. (1999). *Ancaman ke atas Dunia Islam*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Islam JPM.

Mamat, C. Y. (1980). *Masalah sekularisme dalam masyarakat Islam dengan penekanan kepada masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Bangi , Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mamat, S. A. (1999). *Pengaruh Hindu dalam tamadun umat Islam Mughal, India*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahman, M. @. (2000). *Gerakan Gereja Katholik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Singh, D. R. (1993). *Indians in East Malaysia. Indians communities in Southeast Asia*. t.tp: Times Academic Press.